

Karangan Deskriptif 11

Kamu telah menghadapi cabaran melakukan sesuatu buat pertama kali dalam hidup kamu. Gambarkan pengalaman, perasaan dan masalah yang kamu hadapi ketika melakukannya. [Incident]

Introduction

Fly on a Wall

- Suspense Element

Incident

Tepukan hadirin menyambut kemunculan seorang bekas pelajar di pentas dewan sekolah mulai reda. Rasa tidak sabar mereka untuk mendengar ucapan bekas pelajar itu menjadikan suasana dewan sunyi dan sepi; sepertinya jika sepucuk jarum jatuh ke lantai dewan, pasti kedengaran bunyinya. Peluh dingin mula mengalir turun di belakang tengkok bekas pelajar itu. Dia memperbetulkan posisinya di pentas berucap sebelum memulakan ucapannya. Sebaik sahaja dia merasa tenang, dia mendongakkan kepalanya ke hadapan untuk melihat para hadirin yang hadir. Rasanya seperti lautan mata sedang memerhatikan setiap gerak-gerinya, ingin mencari kesilapannya. Dia mula rasa gementar. Bulu badannya mula meremang. Tidak pernah sebelum ini dia memberikan ucapan di hadapan begitu ramai orang. Dia cuba memulakan ucapannya. Rasanya seperti ada seketul batu besar tersangkut pada tekaknya menghalang dia daripada mengeluarkan kata-kata. Dia menjadi semakin cemas. Dia langsung memejamkan matanya. Oh Tuhan, ampunilah aku dan bantulah aku mengharungi keadaan yang mencemaskan ini [INCIDENT].

Presenting the Incident

- Unravelling the Mystery
- Background Information

Bekas pelajar itu adalah aku. Aku telah dinobatkan sebagai pelajar cemerlang pada tahun itu kerana pencapaianku dalam bidang akademik dan kegiatan ko-kurikulum sepanjang lima tahun pengajianku di sekolah itu. Kemuncak kecemerlanganku dalam bidang akademik adalah apabila aku mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan peringkat O dengan mendapat kepujian dalam lapan mata pelajaran. Oleh itu aku telah dijemput kembali ke sekolah menengahku untuk menerima anugerah dan memberikan ucapan dalam majlis ulang tahun dan penyampaian hadiah yang diadakan setiap tahun [INCIDENT]. [Start background] Memberikan ucapan di hadapan hadirin yang dianggarkan seramai tiga ratus orang dalam majlis itu merupakan pengalaman pertama bagiku. Berucap di khalayak yang ramai memang bukan kekuatanku sama sekali. Ini kerana aku mewarisi masalah gagap daripada ayahku. Memang aku adalah bekas ketua pelajar dalam pasukan NCC. Namun, setiap kali aku harus memberikan ucapan kepada para kadet NCC sekolahku, bilangan mereka tidak lebih daripada tiga puluh orang dan mereka semua adalah rakan-rakanku. Oleh itu, rasa gementar dan takut tidak pernah wujud. Namun, dalam majlis itu aku difahamkan yang akan hadir adalah para tetamu sekolah, ibu bapa dan pelajar-pelajar tahun akhir. Ramai di antara mereka tidak aku kenali. Aku menjadi sangat bimbang [End background].